



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 74/11/18**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**AHLI KAJI SERANGGA TUMBUHAN (B.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘**Apply**’;

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- SIJIL** Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.

	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
  	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
	Field			
	BUSINESS ADMINISTRATION			
	+ Add			

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office



- | |
|---|
| <p>1. AHLI KAJI SERANGGA TUMBUHAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaji Serangga Tumbuhan (Entomologi) / Zoologi / Pengurusan Musuh Perosak Tumbuhan / Perlindungan Tanaman / Pemeliharaan Biologi (*Conservation Biology*) / Sains Biologi / *Agriculture* atau bidang yang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai pengalaman dalam bidang Kaji Serangga Tumbuhan adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat kerja-kerja taksonomi, pencaman dan syor kawalan dan pengurusan musuh perosak khususnya disebabkan oleh serangga perosak dan haiwan perosak.
2. Merancang dan melaksanakan kaji selidik, pengumpulan data kajian makmal dan ladang dan membuat syor-syor yang bersesuaian mengenainya.
3. Membuat dan menyediakan kertas kerja projek mengenai pengawalan dan pengurusan serangga perosak dan haiwan perosak utama dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek.
4. Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pengemaskinian dan peningkatan koleksi serangga perosak tanaman dan kerja-kerja taksonomi di Makmal Musuh Tanaman, Unit Perlindungan Tanaman.
5. Memberi khidmat nasihat kepakaran program kawalan dan teknologi terkini yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan musuh perosak tanaman, terutama sekali haiwan perosak tanaman.
6. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program Pengurusan Musuh Bersepadu (IPM) bagi tanaman-tanaman utama.



7. Membuat laporan, risalah-risalah dan dokumentasi musuh perosak utama tanaman.
8. Menjalankan kerja-kerja pemantauan dan kawal musuh perosak utama tanaman seluruh negara.
9. Memberikan dan melaksanakan program-program latihan mengenai pengurusan musuh perosak tanaman dan kaedah-kaedah kawalannya termasuk kaedah pembelajaran sekolah perladangan (*Farmer's Field School*) dan Amalan Perladangan Baik (*Good Agricultural Practise*) kepada kakitangan Jabatan dan peladang.
10. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Perlindungan Tanaman selaku Pakar Rujuk dalam bidang yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan musuh perosak tanaman, terutama sekali haiwan perosak tanaman.
11. Menyelaraskan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara di bawah Bahagian Padi dan Perlindungan Tanaman.
12. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.